

PEMURNIAN, KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN MODUL PSIKO-
NUMEROLOGI BERDASARKAN TERAPI KOGNITIF
TINGKAH LAKU (MPN-TKT)

NADRATUL SHIMA BINTI SALIM

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BIMBINGAN DAN KAUNSELING)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan memurnikan, mengukur kesahan dan kebolehpercayaan Modul Psiko-Numerologi Berdasarkan Terapi Kognitif Tingkah Laku (MPN-TKT). Modul ini dimurnikan semula berdasarkan Modul Psiko-Numerologi yang digubal oleh Mohammad Aziz Shah yang mempunyai enam strategi dan 28 aktiviti. Strategi dalam MPN-TKT ialah Strategi 1: Pengenalan Psiko-Numerologi, Strategi 2: Psiko-Numerologi dan Hukum Tenaga, Strategi 3: Pengiraan Piramid Terbalik dalam Psiko-Numerologi, Strategi 4: Mentaksir Matriks Tunggal Psiko-Numerologi, Strategi 5: Mentaksir Matriks 2 Atom Psiko-Numerologi dan Strategi 6: Aplikasi Sesi Bimbingan Psiko-Numerologi. Reka bentuk kajian ialah kajian deskriptif iaitu mencari nilai kesahan kandungan keseluruhan dan nilai kebolehpercayaan MPN-TKT. Seramai 12 panel pakar dalam bidang psikologi, kaunseling, pendidikan dan kakitangan awam dipilih sebagai panel pakar dalam menilai dua soal selidik yang digubal, iaitu soal selidik kesahan kandungan modul berdasarkan Russell dan soal selidik kesesuaian sesi dan aktiviti berdasarkan Mohammad Aziz Shah. Manakala bagi nilai kebolehpercayaan seramai 90 responden merangkumi 30 pelajar IPTA, 30 pelajar sekolah dan 30 kakitangan awam menjawab soal selidik kebolehpercayaan MPN-TKT. Hasil kajian menunjukkan nilai kesahan keseluruhan MPN-TKT mengikut Russell ialah 0.883 (88.33%) dan bagi nilai kesahan keseluruhan kesesuaian sesi dan aktiviti ialah 0.896 (89.64%). Bagi nilai kebolehpercayaan ialah .952 bagi pelajar IPTA, .986 bagi pelajar sekolah dan .986 bagi kakitangan awam. Implikasi keputusan kajian menunjukkan MPN-TKT mempunyai nilai kesahan keseluruhan dan nilai kebolehpercayaan tinggi yang membuktikan MPN-TKT sesuai digunakan di sekolah, Institut Pengajian Tinggi, dan organisasi awam dalam membangunkan potensi serta karakter dalam diri.





UPGRADING, VALIDITY AND RELIABILITY OF PSYCHO-NUMEROLOGY MODULE BASED ON COGNITIVE BEHAVIOUR THERAPY (PNM-CBT)

ABSTRACT

This study aimed to upgrade, measure the validity and reliability of the Module Psycho-Numerology based on Cognitive Behaviour Therapy (PNM-CBT). The module was upgrade based on Modules Psycho-Numerology drafted by Mohammad Aziz Shah which has six strategy and 28 activities. Strategy in PNM-CBT was Strategy 1: Introduction to Psycho-Numerology, Strategy 2: Psycho-Numerology and Law of Energy, Strategy 3: Calculation of Inverted Pyramid in Psycho-Numerology, Strategy 4: Usage of a Single Matrix Psycho-Numerology, Strategy 5: Usage of Matrix 2 Atomic Psycho-Numerology and Strategy 6: Application Guidance Session Psycho-Numerology. The design of the studies that have been used are descriptive studies which find the value of the overall content and value of reliability PNM-CBT. A total of 12 experts in the field of psychology, counselling, education and public employees was selected as the expert panel in evaluating two questionnaires that drawn up which is the questionnaire of contents validity module based on Russell and the questionnaire appropriate sessions and activities based on Mohammad Aziz Shah. While the value of reliability, a total of 90 respondent include of 30 students of Sultan Idris Education University, 30 school students and 30 public employees to answer the questionnaire of reliability modules. Results show that overall content validity value PNM-CBT based on Russell was 0.883 (88.33%) and overall content validity and appropriateness of the proposed activity session have obtained a value of 0.896 (89.64%). While the value of reliability for university students were .952, school students were .986 and .986 for public employees. Results implication showed that PNM-CBT has high value of validity and reliability prove that PNM-CBT suitable for use in schools, universities, and public organizations to develop the potential and character in themselves.



KANDUNGAN

	Muka Surat
HALAMAN PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
DEDIKASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	7
1.4 Persoalan Kajian	11
1.5 Tujuan Kajian	12
1.5.1 Tujuan Umum	12
1.5.2 Tujuan Khusus	13
1.6 Signifikan Kajian	14
1.7 Definisi Konsep dan Operasional	17



1.7.1 Pemurnian	17
1.7.2 Kesahan	18
1.7.3 Kebolehpercayaan	19
1.7.4 Modul	21
1.7.5 Psikologi	21
1.7.6 Numerologi	22
1.7.7 Kaunseling	24
1.7.8 Terapi Kognitif Tingkah Laku (TKT)	25
1.8 Limitasi Kajian	27
1.9 Rumusan	28

**BAB 2****PENDEKATAN TEORI**

2.1 Pengenalan	29
2.2 Model Psiko-Numerologi	30
2.3 Teoretikal Numerologi	36
2.3.1 Sejarah dan Perkembangan Numerologi	36
2.4 Teoretikal Terapi Kognitif Tingkah Laku	38
2.4.1 Sejarah dan Perkembangan Terapi Kognitif Tingkah Laku (TKT)	38
2.5 Konseptual Modul Psiko-Numerologi – Terapi Kognitif Tingkah Laku (MPN-TKT)	53
2.6 Perspektif Lain-Lain Teori Psikologi dalam Pembangunan Karakter	61
2.6 1 Perspektif Psiko Analitik – Sigmund Freud dalam Pembangunan Karakter	61



2.6.2	Perspektif Humanistik – Carl Rogers dalam Pembangunan Karakter	62
2.6.3	Perspektif <i>Behaviorisme</i> – B. F. Skinner dalam Pembangunan Karakter	64
2.6.4	Perspektif Kognitif Sosial / <i>Social Learning</i> – Albert Bandura dalam Pembangunan Karakter	65
2.7	Rumusan	66

BAB 3 KAJIAN LITERATUR

3.1	Pengenalan	67
3.2	Kajian Literatur mengenai Psiko-Numerologi Dalam Negara	68
3.3	Kajian Literatur mengenai Numerologi Luar Negara	69
3.4	Terapi Kognitif Tingkah Laku (TKT)	71
3.4.1	Kajian Literatur Luar Negara	71
3.4.2	Kajian Literatur Dalam Negara	73
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan	77
3.5.1	Kajian Literatur Luar Negara	77
3.5.2	Kajian Literatur Dalam Negara	79
3.6	Rumusan	83

BAB 4 METODOLOGI

4.1	Pengenalan	84
4.2	Reka Bentuk Kajian	85



4.3	Pemurnian Modul Psiko-Numerologi - Terapi Kognitif Tingkah Laku (MPN-TKT)	86
4.4	Prosedur Kajian	87
4.5	Lokasi Kajian	89
4.6	Subjek Kajian	90
4.7	Alat Kajian	90
4.7.1	Soal Selidik Penilaian Kesahan Modul Psiko-Numerologi – Terapi Kognitif Tingkah Laku (MPN-TKT)	91
4.7.2	Soal Selidik Penilaian Kesesuaian Sesi dan Aktiviti Modul Psiko-Numerologi - Terapi Kognitif Tingkah Laku (MPN-TKT)	92
4.7.3	Soal Selidik kebolehppercayaan Modul Psiko-Numerologi – Terapi Kognitif Tingkah Laku (MPN-TKT)	97
4.8	Kaedah Pemarkatan	98
4.9	Analisis Data	100
4.10	Rumusan	102



BAB 5 DAPATAN KAJIAN

5.1	Pengenalan	103
5.2	Hasil Dapatan Pemurnian Modul Psiko- Numerologi Berdasarkan Terapi Kognitif Tingkah Laku (MPN-TKT)	104
5.3	Hasil Dapatan Nilai Pekali Kesahan Kandungan Modul Psiko-Numerologi Berdasarkan Terapi Kognitif Tingkah Laku (MPN-TKT) Oleh Panel Pakar Berdasarkan Russell (1974)	108
5.4	Hasil Dapatan Nilai Pekali Kesesuaian Sesi dan Aktiviti Modul Psiko-Numerologi Berdasarkan	111



Terapi Kognitif Tingkah Laku (MPN-TKT)
Berdasarkan Mohammad Aziz Shah (2010)

5.5	Hasil Dapatan Nilai Pekali Kebolehppercayaan Modul Psiko-Numerologi Berdasarkan Terapi Kognitif Tingkah Laku (MPN-TKT)	117
5.6	Perbandingan Nilai Kebolehppercayaan Bagi Responden Pelajar IPTA, Pelajar Sekolah dan Kakitangan Awam	132
5.7	Rumusan	133

BAB 6 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

6.1	Pengenalan	134
6.2	Rumusan Kajian	135
6.3	Perbincangan	136
6.3.1	Pemurnian Modul MPN-TKT	136
6.3.2	Kesahan Kandungan Modul MPN-TKT Mengikut Russell (1974)	138
6.3.3	Kesahan Kesesuaian Sesi dan Aktiviti Modul MPN-TKT Mengikut Mohammad Aziz Shah (2010)	140
6.3.4	Menguji Tahap Kebolehppercayaan Modul MPN-TKT	141
6.4	Perbandingan Nilai Kebolehppercayaan Bagi Responden Pelajar IPTA, Pelajar Sekolah dan Kakitangan Awam	145
6.5	Pelaksanaan Modul MPN-TKT	145
6.6	Implikasi Kajian	146
6.6.1	Implikasi Kajian Terhadap Modul MPN-TKT	147



6.6.2 Implikasi Kajian Terhadap Teori Terapi Kognitif Tingkah Laku (TKT)	147
6.6.3 Implikasi Kajian Terhadap Amalan Kaunseling di Sekolah	148
6.6.4 Implikasi Kajian Terhadap Pelajar IPTA	149
6.6.5 Implikasi Kajian Terhadap Kakitangan Awam	149
6.7 Masalah Dalam Menjalankan Kajian	150
6.8 Saranan Penyelidikan Pada Masa Akan Datang	151
6.9 Rumusan	153
RUJUKAN	154



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Aplikasi, Pendekatan dan Teknik TKT dalam Modul Psiko-Numerologi	54
4.1	Pemarkahan bagi skala penilaian Kesahan Kandungan Modul Psiko-Numerologi - Terapi Kognitif Tingkah Laku (MPN-TKT)	92
4.2	Pendekatan Konsep Modul Psiko-Numerologi - Terapi Kognitif Tingkah Laku (MPN-TKT)	93
4.3	Kaedah Pemarkatan Soal Selidik Kebolehppercayaan Modul Psiko-Numerologi - Terapi Kognitif Tingkah Laku (MPN-TKT)	97
4.4	Jumlah item bagi setiap sub modul Soal Selidik Kebolehppercayaan Modul Psiko-Numerologi - Terapi Kognitif Tingkah Laku (MPN-TKT)	98
4.5	Skala <i>likert</i> yang digunakan dalam borang Soal Selidik Kebolehppercayaan Modul Psiko-Numerologi - Terapi Kognitif Tingkah Laku (MPN-TKT)	100
5.1	Nilai Kesahan Pakar Terhadap Kesahan Kandungan Modul Psiko-Numerologi Berdasarkan Terapi Kognitif Tingkah Laku (MPN-TKT) Oleh Panel Pakar Berdasarkan Russell (1974) (n=12)	108
5.2	Nilai Peratusan Kesahan dan Pandangan Pakar Terhadap Kesahan Kandungan Modul Psiko-Numerologi Berdasarkan Terapi Kognitif Tingkah Laku (MPN-TKT) Berdasarkan Russell (1974) (n=12)	110
5.3	Pekali Kesahan Kesesuaian Sesi dan Aktiviti Modul Psiko-Numerologi Berdasarkan Terapi Kognitif Tingkah Laku (MPN-TKT) Berdasarkan Penilaian Pakar Menurut Mohammad Aziz Shah (2010) (n=12)	111
5.4	Penambahbaikan kesesuaian sesi dan aktiviti yang dijalankan dalam Modul Psiko-Numerologi Berdasarkan	116

Terapi Kognitif Tingkah Laku (MPN-TKT) (n=12)

5.5	Nilai Pekali Kebolehppercayaan Modul Psiko-Numerologi Berdasarkan Terapi Kognitif Tingkah Laku (MPN-TKT) responden Pelajar IPTA (n=30)	118
5.6	Nilai Pekali Kebolehppercayaan Modul Psiko-Numerologi Berdasarkan Terapi Kognitif Tingkah Laku (MPN-TKT) responden Pelajar Sekolah (n=30)	123
5.7	Nilai Pekali Kebolehppercayaan Modul Psiko-Numerologi Berdasarkan Terapi Kognitif Tingkah Laku (MPN-TKT) responden Kakitangan Awam (n=30)	127
5.8	Jadual Perbandingan Nilai Kebolehppercayaan Bagi Responden Pelajar IPTA, Pelajar Sekolah dan Kakitangan Awam	132



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Aspek Terapi Kognitif Tingkah Laku (TKT)	5
2.1	Modul Bersepadu dan 6 Strategi Utama Psiko-Numerologi	31
2.2	Piramid Pengiraan Tarikh Lahir	38
2.3	Diagram Perkembangan TKT oleh Dryden dan Branch (2012)	42
2.4	Model A-B-C Ellis (1992)	46
2.5	Hubung kait antara pemikiran, perasaan dan tingkah laku dalam CBT oleh Wilding dan Milne (2006)	50
2.6	Analogi dari Greenberger dan Padesky (1995)	52
2.7	Kerangka Konseptual Psiko-Numerologi - Terapi Kognitif Tingkah Laku (MPN-TKT)	60
4.1	Proses Pemurnian Modul Psiko-Numerologi - Terapi Kognitif Tingkah Laku (MPN-TKT). (diubahsuai daripada Russell, 1974, dan Mohammad Aziz Shah, 2010)	86
5.1	Modul Psiko-Numerologi berdasarkan Terapi Kognitif Tingkah Laku (MPN-TKT)	104
5.2	Aplikasi Numerologi, Psikologi dan Terapi Kognitif Tingkah Laku dalam Modul Psiko-Numerologi	106



SENARAI SINGKATAN

ACT	<i>Acceptance and Commitment Therapy</i>
BDI	<i>Beck Depression Inventory</i>
CBT	<i>Cognitive Behavior Therapy</i>
CTRT	<i>Choice Theory Reality Therapy</i>
DBT	<i>Dialectic Behavior Therapy</i>
DSM IV	<i>Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorder</i>
DSM-IV-TR	<i>Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorder, Text Revision</i>
FIM	<i>Family Impact Module</i>
FPPM	Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia
HRQOL	<i>Health-Related Quality of Life</i>
ID	<i>Intellectual Disability</i>
IPT	Institut Pengajian Tinggi
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
MANOVA	<i>Multivariate Analysis of Variance</i>
MANCOVA	<i>Multivariate Analysis of Covariance</i>
MBCT	<i>Mindfulness-Based Cognitive Therapy</i>
MPN-TKT	Modul Psiko-Numerologi Berdasarkan Terapi Kognitif Tingkah Laku
MRSM	Maktab Rendah Sains Mara
MTE	Modul Transformasi Ehsan
NLP	<i>Neuro-Linguistic Programing</i>
PHQ-9	<i>Patient Health Questionnaire-9</i>
RSE	<i>Rosenberg Self Esteem</i>
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SAOM	<i>Substance Abuse Outcomes Module</i>
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
SS	Sokongan Sosial
SSCT	<i>Suitability for Short-Term Cognitive Therapy</i>
TKT	Terapi Kognitif Tingkah Laku
UNSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris



SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik Kesahan Kandungan mengikut Russell (1974)
- B Borang Soal Selidik Kesesuaian Sesi dan Aktiviti oleh Mohammad Aziz Shah (2010)
- C Borang Soal Selidik Kebolehpercayaan Modul Psiko-Numerologi
- D Analisis Data dari SPSS bagi Kebolehpercayaan Modul Psiko Numerologi
- E Salinan Pakar Kesahan Kandungan mengikut Russell (1974) dan Kesesuaian Sesi dan Aktiviti oleh Mohammad Aziz Shah (2010)
- F Salinan Responden Kebolehpercayaan Pelajar IPTA, Pelajar Sekolah dan Kakitangan Awam





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji. Tumpuan utama dalam bab ini adalah latar belakang kajian, iaitu senario umum yang menjadi latar belakang kepada kajian ini. Selain itu, bab ini turut mengandungi pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, signifikan kajian, definisi pemboleh ubah kajian iaitu definisi konsep dan definisi operasional yang berkaitan dalam kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji dan juga limitasi kajian.





1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut Eddy Rosyadie (2009), kaedah pengiraan tarikh lahir merupakan kaedah yang dipanggil ‘Astronumerologi Dinamik’ yang pertama kali dilaksanakan di Malaysia menghubungkan pelbagai teknik dalam satu kaedah. Penyelidikan yang dijalankan adalah untuk menjelaskan bentuk pola dan kitaran sesuatu kelakuan atau peristiwa. Kaedah pengiraan tarikh lahir ini adalah sebagai panduan kepada individu untuk mengenali dan memahami potensi diri, menguruskan potensi diri, meningkatkan kebaikan potensi diri, membetulkan kesilapan atau keadaan, mencegah ancaman dan mencari peluang untuk pembetulan, peningkatan, pencegahan dan jalan alternatif menuju perjalanan hidup yang lebih tersusun dan berkesan.



metafizik yang mengkaji kebijaksanaan diri sendiri untuk masa depan. Numerologi membantu diri dengan sangat teliti, mengenali diri secara asli dan murni. Webb (2001) menyatakan bahawa Numerologi adalah sebarang sistem, tradisi atau kepercayaan dalam hubungan mistik atau *esoteric* yang berada di antara nombor dan benda hidup.

Mc Clain (2010) menyatakan bahawa nombor-nombor dapat menunjukkan watak, arah dalam hidup, sokongan, dan bakat-bakat yang terpendam dalam diri yang belum dipamerkan. Ahli numerologi menggunakan nombor untuk menentukan masa yang terbaik untuk aktifkan diri dalam kehidupan seharian. Seperti kajian yang dijalankan oleh pengkaji mengenai aplikasi matriks dalam pembangunan karakter,





penggunaan nombor tarikh lahir memainkan peranan penting dalam melihat kecenderungan karakter seseorang individu.

Teori-teori saintifik ada kalanya dilabelkan sebagai ‘numerologi’ sekiranya inspirasi asas mereka muncul dengan satu set corak pemerhatian saintifik. Penggunaan istilah ini adalah lumrah dalam masyarakat saintifik dan ia kebanyakannya digunakan untuk menyangkal teori Sains yang boleh dipersoalkan. Banyak sistem numerologi yang mana mewakili nilai nombor terbaru dalam perkataan. Contohnya termasuk nombor Abjad, nombor *Hebrew*, nombor *Armenian*, dan nombor Greek. (Sumber: *World Heritage Encyclopedia-2008*)



Mohd Razin (2013) menyatakan bahawa kaedah numerologi (tarikh lahir) puratanya mempunyai ketepatan huraian di antara 80% hingga 90%. Terdapat juga individu yang memperoleh melebihi 90%. Hal ini menunjukkan, kaedah ini mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Namun begitu, masih belum ada lagi pengkaji yang melaksanakan kajian yang merakamkan kesahan dan kebolehpercayaan kaedah numerologi ini secara ilmiah. Kaedah ini adalah suatu usaha dalam mengenali dan memahami kekuatan, kelemahan dan potensi diri seseorang termasuklah keluarga dan sahabat handai bagi melakarkan pelan tindakan untuk mendapatkan sebuah kehidupan yang lebih baik dan cemerlang.

Numerologi dapat menjelaskan ciri-ciri yang terdapat pada seseorang individu. Ilmu tentang angka dan pengaruhnya terhadap kehidupan seseorang disebut sebagai numerologi. Ia merupakan sistem matematik yang rumit yang dapat mendefinisikan ciri-ciri peribadi individu berdasarkan tarikh lahir, pengalaman dan masa hadapan





melalui penggunaan nombor. Numerologi menganggap setiap aspek dapat dihuraikan melalui nombor dan nombor tersebut memiliki sifat tertentu dapat memberikan getaran yang boleh mempengaruhi alam semesta. Malahan nama seseorang individu dapat dihuraikan menggunakan angka untuk memahami karakter dirinya (Sumber : Wedaran- 2016).


Keperibadian insan dilihat pada perwatakan dan karakter yang dibawa oleh individu tersebut sepanjang kehidupannya. Beberapa faktor dikenal pasti mempengaruhi seseorang individu dalam pembentukan karakter dirinya seperti ibu bapa dan keluarga, rakan sebaya, guru dan masyarakat (Shahizan, Tsai & Saw, 2003). Amer Shakir dan Mohd Badrulddin (2006) menyatakan bahawa dalam membentuk karakter remaja dan individu yang cemerlang, mengenal siapa diri adalah perkara pokok yang perlu difokuskan. Melihat kepada hala tuju, kelemahan dan kekuatan yang terdapat dalam diri. Melihat siapa diri dari sudut pandangan yang positif memberi kesan yang positif kepada tindakan yang akan dilakukan. Menurut beliau lagi, manusia akan bertingkah laku sebagaimana apa yang difikirkannya. Sekiranya pemikiran manusia cenderung ke arah negatif, ia berpotensi ketidakstabilan emosi dan mengganggu tahap karakter manusia.

Setiap individu mempunyai personaliti yang berbeza begitu juga sepasang kembar yang dilahirkan mempunyai personaliti yang berlainan. Personaliti seseorang individu dapat dilihat daripada tingkah laku. Sesungguhnya personaliti manusia adalah ciptaan Tuhan yang maha kompleks. Ia adalah salah satu rahsia dan keistimewaan yang dianugerahkan kepada manusia bertujuan untuk membuatkan kita berfikir (Ahmad Amri, 2009).





Pemurnian Modul Psiko-Numerologi daripada modul yang sedia ada merupakan satu langkah yang baik kerana modul yang dimurnikan telah dimasukkan Terapi Kognitif Tingkah Laku (MPN-TKT) dalam setiap strategi dan aktiviti MPN-TKT. Aspek TKT yang terdiri daripada pemikiran, perasaan dan tingkah laku diterapkan dalam keenam-enam strategi tersebut seperti Rajah 1.1.



Rajah 1.1. Aspek Terapi Kognitif Tingkah Laku (TKT)

Khalim (2008) menyatakan pemikiran, perasaan dan tingkah laku dapat diukur, diramal dan dikawal. Tingkah laku yang dikehendaki diperoleh dengan perubahan cara yang sistematik, mempamerkan penegasan dalam diri, memberi dendaan dan desakan secara rasional.





Sehingga kini tiada lagi modul yang khusus kepada pembentukan atau pembangunan karakter. Kebanyakan modul hanya tertumpu pada satu aspek sahaja seperti personaliti, kerjaya, kesihatan dan sebagainya (Mohd Razin, 2013). Adalah penting untuk membina modul yang merangkumi semua aspek kehidupan dan membantu individu mengenali potensi diri dan kecenderungan karakter dalam diri. Hal ini kerana pembangunan karakter sangat penting dan bersifat menyeluruh. Modul Psiko-Numerologi yang dimurnikan adalah berasaskan Terapi Kognitif Tingkah Laku iaitu pemikiran, perasaan dan tingkah laku serta gabungan numerologi, psikologi dan kaunseling dalam setiap strategi dan aktiviti yang terdapat dalam modul.

Intervensi TKT yang dimasukkan ke dalam setiap aktiviti MPN bagi Strategi 1 ialah Memahami Teknik Psiko-Numerologi, Peneguhan Prinsip, Matlamat Psiko-Numerologi dan Analisis Spiritualiti dan Religiositi. Seterusnya Strategi 2 ialah Memahami Matriks Hukum Tenaga, Memahami Matriks Sebagai Gelombang Tenaga yang Membentuk Karakter dan Teknik Menguasai Tenaga Positif. Manakala Strategi 3 ialah Memahami Rahsia Pyramid, Teknik Pengiraan Pyramid Psiko-Numerologi, Memahami Gabungan Matriks Ayah dan Ibu, Memahami Matriks Akhir Hayat, Memahami Matriks Sifat Diri dan Analisis Kecenderungan Matriks Lelaki dan Perempuan.

Pendekatan TKT bagi Strategi 4 pula ialah berkaitan analisis iaitu Analisis Matriks Karakter Diri, Analisis Matriks Bawah Sedar, Analisis Matriks Tingkah Laku Introvert, Analisis Matriks Tingkah Laku Ekstrovert, Analisis Matriks Bakat Terpendam, Analisis Matriks Karakter yang Hilang, Analisis Matriks 3 Semangat, Analisis Matriks Berdasarkan Elemen Alam dan Analisis Kitaran Tanggungjawab





Tahunan. Strategi 5 pula ialah Analisis Karakter 2 Matriks, Analisis Karakter Diri dan Analisis Keseluruhan Karakter. Akhir sekali Strategi 6 iaitu Memahami Prinsip, Proses dan Strategi Psiko-Numerologi, Refleksi Bengkel dan Teknik Motivasi dan Pengukuhan.

Pendekatan TKT merupakan terapi yang bertujuan membantu manusia menghadapi masalah emosi mereka (Willson & Branch, 2006). Ia dapat dibahagikan kepada tiga aspek iaitu pemikiran, tingkah laku dan terapi. Kognitif merupakan proses mental seperti berfikir termasuklah memori, imej, perhatian dan mimpi. Tingkah laku merujuk kepada apa yang dilakukan seperti menyelesaikan masalah, tindakan, pengelakan. Manakala terapi merujuk kepada pendekatan yang sistematik untuk selesaikan masalah, kesakitan, keadaan yang luar biasa.



Pendekatan Terapi Tingkah Laku Kognitif ini sangat berguna dalam mengubah pemikiran individu. Terapi Kognitif Tingkah Laku (TKT) mempunyai kelebihan berbanding teori lain kerana ia fleksibel dalam memenuhi keperluan individu (Rogers, 1996, dalam See, Othman, Suradi, Md. Shuaib & Fatimah, 2009).

1.3 Pernyataan Masalah

Sehingga kini belum ada suatu modul yang boleh membantu memahami personaliti diri dan dunia psikologi seseorang individu atau modul khusus yang boleh menjadi rujukan dan alat yang diguna pakai oleh segenap lapisan masyarakat dalam melancarkan pelbagai urusan dalam setiap aspek kehidupan mereka yang merangkumi





kerjaya, personaliti, motivasi sendiri, kepimpinan, kaedah belajar, kewangan, perhubungan persahabatan dan kekeluargaan serta bidang pendidikan. Mohd Razin (2013) menyatakan kebanyakan modul tertumpu satu aspek sahaja seperti personaliti, kerjaya, kesihatan dan sebagainya. Kebanyakan karakter atau personaliti individu dinilai menggunakan soal selidik seperti kajian yang dijalankan oleh Zulelawati dan Yusni (2015) yang mana mengkaji tret personaliti guru yang dikaitkan dengan hubungan prestasi akademik. Soal selidik adalah berdasarkan tret personaliti *The Big Five* iaitu menilai tret personaliti *Extroversion*, *Conscientiousness*, *Openness*, *Agreeableness* dan *Neuroticism*. Dalam kajian ini karakter individu dinilai melalui aplikasi numerologi dalam modul berdasarkan TKT. Oleh itu, Modul Psikologi-Numerologi dimurnikan semula dengan menerapkan Terapi Kognitif Tingkah Laku (TKT) dan sebagai modul menyeluruh membantu individu mengenal pasti tret-tret personaliti individu, kecenderungan dalam gaya berfikir, berperasaan, bertingkah laku, dan corak perhubungan mengikut konsep numerologi *Matric Code*.

Modul Psiko-Numerologi adalah bersesuaian dengan bidang kaunseling dan psikologi dari segi aspek pengukuran dan penilaian. Aspek tersebut merangkumi personaliti manusia, corak tingkah laku manusia termasuklah tingkah laku psikologi dan tingkah laku sosial yang boleh ditentukan dalam bentuk ukuran (Mohd Razin, 2013).

Pengkaji telah memurnikan semula Modul Psiko-Numerologi berasaskan integrasi numerologi, psikologi dan kaunseling dengan menggunakan pendekatan dan teknik Terapi Kognitif Tingkah Laku (TKT) yang diterapkan ke dalam setiap strategi dan aktiviti dalam Modul Psiko-Numerologi. Modul yang terdiri daripada enam





strategi ini mempunyai 28 aktiviti sendiri yang mengaplikasikan pendekatan dan teknik TKT. Justeru, amat perlu memperoleh kesahan dan kebolehpercayaan modul bagi memantapkan dan mengukuhkan lagi modul tersebut sebelum dijalankan ke atas responden sebenar.

Pemurnian semula sesuatu modul bukanlah mudah dan ia memerlukan ketelitian dan juga kepatuhan terhadap prosedur-prosedur tertentu. Pengkaji dikehendaki membina soalan-soalan ujian bagi tahap penguasaan individu yang terlibat. Pelbagai strategi digunakan bagi menarik minat individu terhadap modul yang dimurnikan. Akhirnya modul yang telah dimurnikan semula itu perlu disusun dan disatukan mengikut kesesuaian sebelum ia diuji tahap kesahan dan kebolehpercayaan. Oleh itu, modul tersebut perlu mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan sebelum ia dilaksanakan di lapangan sebenar.



Sesuatu modul dikatakan mempunyai kesahan yang tinggi sekiranya darjah kebolehpercayaannya mengukur apa yang sepatutnya diukur adalah tinggi (Sidek, 2005). Berdasarkan kepada situasi yang berlaku, pengkaji mengambil inisiatif dengan membuat kajian ini bagi melakukan pembaharuan mengenai kajian berkaitan kesahan dan kebolehpercayaan modul. Kesahan bagi menilai modul ini diambil daripada penilai panel luar yang pakar dalam bidang ini. Menurut Mohd Razin (2013), penilaian pakar bertujuan menilai kesesuaian butiran yang digunakan bagi mengukur domain yang dipilih. Kajian oleh Syed Yusaine (2015) menguji kesahan modul kelompok pembangunan diri menggunakan aplikasi *Neuro-Linguistic Programing* (NLP) memperoleh kesahan yang tinggi dan hal ini membolehkan modul tersebut





dapat digunakan di lapangan sebenar bagi menguji pembangunan diri peserta atau individu.

Kesahan menurut Fauzi, Jamal, Mohd Saifoul (2014) dan Mohd Majid (2005) merupakan keupayaan alat ujian mengukur apa yang sepatutnya di ukur. Sesuatu penyelidikan dikatakan sah apabila kajiannya tepat dan benar dalam menghuraikan semua perkara yang dikaji dan tidak terkeluar daripada skop kajian (Mok, 2010). Menurut Majid (2005), Wiersma dan Jurs (1990) sesuatu alat ukuran dikatakan tinggi sekiranya alat ukuran tersebut dapat mengukur apa yang hendak diukur. Kesahan ini amat penting sebagai pernyataan atau penjelasan yang sah dan benar seandainya ia mewakili secara tepat ciri-ciri fenomena yang cuba diterangkan, diteorikan atau dijelaskan (Hammersley & Atkinson, 1995).



Manakala mendapatkan kebolehpercayaan modul adalah sesuatu yang amat penting dan kebolehpercayaan merupakan sesuatu yang konsisten dalam pengukuran (Cohen & Swerdlik, 2010). Fauzi, Jamal dan Mohd Saifoul (2014) mendefinisikan kebolehpercayaan sebagai analisis terhadap instrumen bagi menentukan instrumen tersebut mengukur suatu konstruk secara tepat, konsisten dan boleh dipercayai. Kerlinger (1979) menyatakan bahawa sesuatu soal selidik yang mempunyai nilai α (alpha) melebihi 0.6 pada aras signifikan .05 adalah asas penilaian yang baik. Kajian oleh Mohammad Aziz Shah, Hafizatul Akmal, Mohd Makhi, Md. Noor, Samsiah, Aslina dan Nurul Yakin (2014) yang mengkaji kebolehpercayaan Modul Transformasi Ehsan (MTE) memperoleh nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu di antara .724 hingga .970 dan ia dilihat dapat membantu para peserta mengubah diri ke arah yang lebih baik.

